




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

AHAD
3 Mei 2026



Mengapa belum tubuh SEGiM walaupun Kabinet sudah lulus?

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamula.com.my

PENUBUHAN Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGiM) secara dasarnya sudah mendapat kelulusan Kabinet, namun proses pelaksanaannya masih tertangguh sekali-gus menimbulkan persoalan besar kerana lebih tiga juta penggiat dalam sektor berkenaan kini beroperasi tanpa payung perlindungan yang jelas.

Kelulusan dasar tanpa tindakan segera hanya menambah jurang antara polisi dan realiti.

Faktor utama kelewatan itu dipercayai berkait dengan birokrasi pentadbiran. Penubuhan sebuah suruhanjaya memerlukan penyesuaian merentas kementerian, peruntukan bajet, pelantikan jawatankuasa dan peng-



gubalan struktur operasi. Proses ini sering mengambil masa panjang kerana setiap kementerian mempunyai kepentingan dan keutamaan tersendiri.

Selain itu, isu perundangan menjadi penghalang. Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) sudah digubal tetapi pelaksanaan menyeluruh memerlukan garis panduan tambahan termasuk mekanisme penguatkuasaan, kadar bayaran minimum dan perlindungan sosial. Tanpa dokumen sokongan lengkap, suruhanjaya sukar berfungsi secara efektif.

Dari sudut politik, penubu-

han SEGiM memerlukan komitmen jelas. Walaupun Kabinet meluluskannya, pelaksanaan segera bergantung kepada kesungguhan kerajaan untuk menjadikan isu pekerja gig sebagai agenda utama. Tanpa tekanan politik yang konsisten, isu tersebut dilihat cukup mudah ditolak ke belakang berbanding dasar lain yang lebih popular.

Kelewatan ini memberi kesan langsung kepada penggiat gig. Mereka terus berada dalam 'zon kelabu', bekerja keras tetapi tanpa jaminan perlindungan asas seperti insurans pekerjaan, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). Keadaan ini menjejaskan keselamatan ekonomi mereka terutama ketika berdepan kemalangan atau

kehilangan pendapatan.

Dari perspektif ekonomi, kelewatan menubuhkan SEGiM juga merugikan negara. Sektor gig yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tidak diurus secara sistematik menyebabkan data rasmi tenaga kerja gig sukar dikumpul. Tanpa data yang tepat, kerajaan tidak dapat merangka dasar ekonomi yang berkesan untuk sektor ini.

Pihak industri pula berdepan ketidakpastian. Syarikat platform tidak mempunyai garis panduan jelas tentang tanggungjawab mereka terhadap pekerja gig. Hal ini boleh menimbulkan konflik antara syarikat dan pekerja, serta menjejaskan reputasi industri gig di Malaysia.

Dari sudut sosial, kelewatan

ini menimbulkan rasa kecewa dalam kalangan penggiat gig. Mereka melihat kerajaan seolah-olah tidak serius melindungi kebajikan walaupun jumlah mereka semakin meningkat. Kekecewaan ini boleh bertukar menjadi tekanan politik terutama menjelang pilihan raya.

Kesimpulannya, walaupun Kabinet sudah meluluskan penubuhan SEGiM, kelewatan pelaksanaannya mencerminkan masalah birokrasi, ketidakjelasan perundangan dan kekurangan komitmen politik. Namun, keperluan mendesak untuk melindungi lebih tiga juta penggiat ekonomi gig menuntut kerajaan mempercepat proses ini. Tanpa tindakan segera, masa depan tenaga kerja moden negara akan terus kabur dan tidak terjamin.

Inisiatif pekerja: Adakan dialog antara kerajaan, kesatuan

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**
hafiz.yusoff@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan perlu mengadakan perbincangan dengan kesatuan sekerja sekiranya hendak memperkenalkan sebarang inisiatif baharu membabitkan golongan pekerja di negara ini.

Setiausaha Kesatuan Kebangsaan Pekerja Bank (NUBE) J. Solomon berkata, ia penting bagi memastikan sasaran dan matlamat inisiatif yang diperkenalkan sampai kepada golongan sasar.

Kata beliau, meskipun Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim membuat kuasa untuk membuat keputusan, namun suara dan keperluan sebenar pekerja hanya dapat disalurkan dengan berkesan melalui kesatuan.

"Sebarang reformasi melibatkan kepentingan pekerja perlu melalui proses dialog sosial bersama pihak yang diiktiraf. Namun begitu, terdapat kebimbangan bahawa kerajaan dilantasi masih lemah dalam aspek pelaksanaan pendekatan tripartisme ini.

"Walaupun telah diingatkan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai kepentingan dialog tiga pihak, termasuk melalui Misi Teknikal Khas baru-baru ini, masih belum kelihatan



Sebarang reformasi melibatkan kepentingan pekerja perlu melalui proses dialog sosial bersama pihak yang diiktiraf."

J. SOLOMON

perubahan ketara dalam pelaksanaannya," katanya kepada *Mingguan Malaysia* semalam.

Anwar sebelum ini dilaporkan berkata, semua agensi berkaitan diberi tempoh dua minggu untuk mengemukakan laporan pelaksanaan bagi setiap inisiatif pekerja yang diumumkan kerajaan sempena Hari Pekerja kelmarin.

Laporan itu perlu diserahkan kepada menteri terlibat sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam masa tiga minggu lagi.

Antara inisiatif diumumkan termasuk pengenalan Elaun Pasca Cuti Bersalin (EPCB) bagi pekerja wanita yang merupa-

kan bantuan kewangan bagi cuti tambahan sehingga 30 hari yang diambil selepas tempoh cuti bersalin 98 hari tamat.

Dalam pada itu, Solomon menasihatkan kerajaan tidak mempolitikkan isu pekerja kerana pendekatan sedemikian hanya memberi kesan jangka pendek dan tidak menyumbang kepada kemakmuran negara dalam jangka panjang.

"Banyak perkara boleh dilaksanakan oleh kerajaan, namun ia tidak seharusnya dilakukan dengan menyetepikan dialog sosial semata-mata untuk memenuhi kepentingan pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab," jelasnya.

Pekerja p-hailing, e-hailing perlu berstatus 'pekerjaan tetap'

PETALING JAYA: Pekerja dalam sektor gig terutama penghantar p-hailing dan pemandu e-hailing perlu dikategorikan di bawah status 'pekerjaan tetap' (employment) dan bukan dianggap sebagai pekerja sendiri.

Pengerusi Persatuan Perpaduan Rakan Penghantar Malaysia (PPRPM), Haris Fadillah Arsyad berkata, penetapan status tersebut perlu dimasukkan dalam Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGiM) bagi memastikan kebajikan dan perlindungan pekerja gig terus terjamin.

Menurut beliau, perkara itu disifatkan wajar dalam sektor ekonomi gig kerana sifat pekerjaan tersebut dikawal platform syarikat pengendali dalam pelbagai aspek.

"Antara kawalan syarikat terhadap pekerja termasuk kadar pendapatan, jadual bekerja serta penggunaan algoritma yang menentukan tugasan kepada penghantar.

"Ini menunjukkan wujud elemen kawalan majikan terhadap pekerja, justeru status mereka tidak seharusnya diklasifikasikan sebagai pekerja sendiri," katanya kepada *Mingguan Malaysia* semalam.

Dalam laporan *Utusan Malaysia* semalam, Presiden Majlis Ekonomi Gig Malaysia

(MyGiG), Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsudin berkata, hanya menerusi penubuhan SEGiM dapat menyelesaikan pelbagai isu dan masalah berpanjangan yang membelenggu kira-kira 3.22 juta pekerja sendiri.

Menurut Mohd. Sharkar, suruhanjaya itu penting sebagai badan yang mempunyai kuasa menyelaras dan melindungi kebajikan seluruh penggiat ekonomi gig di negara ini.

Sementara itu, Haris Fadillah dalam masa yang sama berkata, dengan penukaran status tersebut, tanggungjawab caruman keselamatan sosial seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sepatutnya berada di bawah syarikat yang mengendalikan platform berkenaan dan bukannya dipikul sepenuhnya pekerja gig.

Katanya, langkah mengklasifikasikan pekerja gig sebagai pekerja formal sekali-gus dapat membantu meningkatkan perlindungan sosial dan menjamin kestabilan ekonomi golongan tersebut dalam jangka panjang.

"Sebab itu perlunya satu suruhanjaya untuk menyelesaikan perkara-perkara ini," ujarnya.

Elaun Pasca Cuti Bersalin serap beban kos sara hidup pekerja

Pelaksanaan mampu tingkat penyertaan wanita dalam pasaran buruh aktif

Oleh Farah Marshita Abdul Pathan dan Farhana Nizam bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Elaun Pasca Cuti Bersalin (EPCB) tidak memberikan kesan fiskal langsung kepada operasi majikan dan menyerap sebahagian beban kos sara hidup pekerja ketika cuti tambahan.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam kenyataan berkata, pelaksanaan EPCB yang sudah dipersetujui kerajaan secara prinsip itu juga akan meningkatkan penyertaan wanita

dalam pasaran buruh aktif.

Katanya, EPCB menggunakan pendekatan perkongsian liabiliti dan akan menjadikan Malaysia seiring piala dunia global seperti digariskan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

"Pendekatan ini dilaksanakan di pelbagai negara maju seperti Sepanyol, Portugal, Perancis dan China yang memanfaatkan dana keselamatan sosial bagi memastikan kelangsungan industri tanpa mengorbankan kebajikan wanita pasca bersalin.

"Pelaksanaannya bukan sahaja kritikal dalam memelihara kesihatan wanita hamil, malah menjadi benteng yang menampung kecenderungan wanita meninggalkan kerjaya selepas bersalin ekan ribehi peningkatan kos sara hidup keluarga," menurut kenyataan itu, semalam.

PERKESO berkata, faedah terbaharu itu akan dilaksanakan melalui pindaan Akta Sistem In-



surans Pekerjaan 2017.

Kelmarin kerajaan secara prinsip bersetuju memperkenalkan EPCB pada kadar 80 peratus daripada gaji anggapan bulanan Orang Berinsurans wanita, yang akan dibayar secara sekali bayar, dijangka memberi manfaat kepada lebih 132,000 pekerja wanita.

Bukti kerajaan prihatin

Sementara itu penjawat awam, Azhana Adib Ramlan, 33, berkata inisiatif itu mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap caba-

ran yang dihadapi wanita selepas bersalin, khususnya dari segi tekanan kewangan dan penyesuaian kembali ke tempat kerja.

Katanya, bantuan berkenaan mampu membantu melancarkan peralihan ibu kembali ke pejabat dengan lebih lancar tanpa dibelenggu kebimbangan terhadap peningkatan perbelanjaan bulanan.

"Saya melihat inisiatif ini sebagai satu langkah yang sangat progresif dan menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan penjawat awam wanita.

"Selain itu, ia juga satu pengiktirafan terhadap sumbangan wanita dalam tenaga kerja dan mengurangkan beban psikologi 'keinginan untuk berhenti kerja' kerana tekanan kewangan selepas bersalin," katanya.

Kerani, Nor Hawani Azman, 38, berkata elaun berkenaan mampu membantu wanita mengekalkan momentum kerja se-

lepas kembali bertugas dengan lebih teratur dan berfokus.

"Dengan adanya EPCB ini, wanita dapat mengurangkan keperluan domestik dengan lebih terurus, sekali gus membolehkan mereka memberikan komitmen penuh terhadap tugasan di pejabat.

"Ini juga satu mesej bahawa organisasi menghargai pengorbanan wanita," katanya.

Pekerja swasta, Nur Farhana Najihah Fairulnizam, 28, berkata kadar bantuan berkenaan dianggap subjektif memandangkan setiap syarikat mempunyai dasar tersendiri dalam mengurus kebajikan pekerja.

"Untuk sektor swasta, kadar 80 peratus agak subjektif, namun sekiranya ia termasuk dalam Akta Kerja 1955 yang sudah dipinda, syarikat perlu mematuhi sekurang-kurangnya keperluan minimum yang ditetapkan kerajaan," katanya.

Saran inisiatif PACE turut lindungi pekerja gig

Kuala Lumpur: Peruntukan RM580 juta bagi penguatkuasaan jaringan keselamatan sosial menerusi Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah Pakaj Daya Tahan Ekonomi - 'Progressive Acceleration for Capability and Employment' (PACE) perlu merangkumi pekerja gig.

Pakar ekonomi dan perbankan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Mohd Faisal Ibrahim, berkata ketika ini pekerja gig masih belum mempunyai polisi insurans yang jelas dan mampu memelihara serta memberi perlindungan kepada golongan itu.

Katanya, perkara itu penting kerana pasaran gig dijangka membesar dan berkembang pesat.

"Kerajaan perlu menjaga pekerja gig supaya terus berdaya saing dan tidak menjadi penyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran di negara ini pada masa depan.

"Ini juga bagi memastikan pasaran buruh negara kekal stabil dan permintaan kepada keperluan buruh oleh syarikat, khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) masih wujud, walaupun berdepan kegawatan harga minyak dunia," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan PACE bernilai lebih RM710 juta sebagai langkah memperkukuh pembangunan modal insan serta memastikan

kestabilan pasaran buruh negara.

Beliau berkata, pelaksanaan PACE ialah sebahagian daripada strategi daya tahan ekonomi kerajaan bagi memperkasakan tenaga kerja tempatan serta meningkatkan kebolehpasaran pekerja dalam berdepan cabaran ekonomi semasa.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa PACE dilaksanakan melalui Kementerian Sumber Manusia (KE-SUMA) merangkumi empat inisiatif utama, termasuk peranan PERKESO yang menyediakan peruntukan RM580 juta bagi penguatkuasaan jaringan keselamatan sosial menerusi SIP.

Mohd Faisal berkata, PACE ialah langkah ke hadapan dalam memastikan kestabilan pasaran buruh di negara ini.

"Kegawatan harga minyak dunia yang masih belum reda akan memberi kesan kepada kenaikan kos dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan oleh syarikat dan peniaga.

"Perkara ini akan memberi kesan langsung kepada pasaran buruh sekiranya tidak ditangani dengan bijak," katanya.

Sementara itu, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam kenyataan berkata, kira-kira 1.6 juta individu, termasuk ham-

pir 480,000 pekerja yang berulang-alik setiap hari menerusi Tambak Johor akan menerima manfaat daripada pelaksanaan Skim Pengembara PERKESO.

Katanya, Skim Pengembara PERKESO menerusi Akta Perlindungan Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 berperanan menutupi kelompangan perlindungan sosial memabitkan pekerja rentas sempadan yang selama ini terdedah risiko kelangsaan sosioekonomi.

"Langkah ini akan memastikan nadi ekonomi keluarga ini mendapat pembelaan sewajarnya daripada risiko yang tidak terjangkau sebelum ini.

"Ini bukan sekadar peluasan skim, sebaliknya manifestasi sokongan terhadap pengorbanan ratusan ribu pekerja yang berdepan risiko tinggi demi kelangsaan hidup," katanya.

Sementara itu, pekerja Malaysia di Singapura, Akmal Hakim Zainuddin, 35, berkata, SIP bukan sahaja menjamin keselamatan sosial pekerja, malah memberi ketenangan kepada mereka sekiranya berlaku kemalangan atau kehilangan pekerjaan.

Beliau yang bekerja di SingPost sejak enam tahun lalu berkata, sebelum ini kebanyakan pekerja Malaysia di republik ha-

nya bergantung kepada perlindungan disediakan majikan yang berbeza dari segi manfaat dan liputan.

Selain itu, katanya, ketiadaan pelan perlindungan takaful dan insurans peribadi turut mendedahkan mereka kepada risiko kewangan yang tinggi sekiranya berlaku kejadian tidak diingini seperti kemalangan serius, hilang upaya atau kematian.

Bagi juruteknik, Raja Haziq Raja Jaafar yang berulang-alik

dari Permas Jaya ke Tuas dengan menunggang motosikal sejak enam tahun lalu, berkata syarikat ada menyediakan perlindungan kepada pekerja, tetapi perlindungan untuk tempoh bekerja sahaja dan ada syarikat tidak menyediakan insurans.

"Jika berlaku kemalangan sewaktu balik ke rumah, memang pekerja terpaksa tanggung sendiri. Di sinilah saya lihat perlunya ada perlindungan diri seperti PERKESO," katanya.



Mohd Faisal Ibrahim

Ibadat & Faidat

Sayidatina Aishah RA berkata: Apabila salah seorang isteri Rasulullah SAW sakit, Baginda menziarah kepadanya surah Mu'awwizataz (al-Rhhas, al-Falaq dan an-Nas). Maka ketika Baginda sakit hampir meninggal, aku tiupkan pula kepadanya dan aku sapukan tangannya ke tubuhnya kerana tangan Baginda lebih besar barakahnya daripada tanganku." (HIR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:53	1:18	4:35	7:28	8:40
Alor Setar	5:54	1:18	4:35	7:27	8:39
P. Pinang	5:55	1:18	4:35	7:26	8:38
Ipoh	5:54	1:16	4:34	7:23	8:35
Kuala Lumpur	5:53	1:13	4:31	7:20	8:31
Shah Alam	5:53	1:13	4:31	7:20	8:31
Johor Bahru	5:46	1:04	4:24	7:09	8:20
Kuantan	5:48	1:07	4:26	7:13	8:25
Seremban	5:53	1:12	4:31	7:17	8:29
Bandar Melaka	5:52	1:11	4:30	7:16	8:27
Kota Bharu	5:47	1:11	4:28	7:20	8:28
K. Terengganu	5:44	1:07	4:24	7:15	8:27
Kota Kinabalu	4:52	12:15	3:32	6:24	7:36
Kuching	5:21	12:39	3:59	6:44	7:55

Sampai bila kerja bergaji 'dari bank ia datang, kepada bank ia kembali'



Oleh Noor Atiqah Sulaman
bhrencana@bh.com.my

Wartawan BH

'Dari bank ia datang, kepada bank ia kembali.' Ungkapan itu sering digunakan apabila tiba hari gaji, selesai bayar segala komitmen. Walaupun kedengaran melucukan, ayat itu sebenarnya menggambarkan tekanan kewangan semakin menjadi kebiasaan.

Secara teori, ekonomi negara sedang berkembang. Pelaburan terus masuk, produktiviti meningkat dan pelbagai angka disetub kolihatan meyakinkan.

Namun di peringkat akar umbi, ramai pekerja hanya mampu 'tersenyum kambing', bukan kerana gembira, tetapi gaji ditunggu hampir sebulan, pergi hanya sekelip mata.

Hakikatnya, seperti ada sesuatu tidak kena dengan ekosistem pekerjaan negara.

Berdasarkan *Laporan Statistik Upah Pekerja (Sector Formal) Suku Keempat 2025* dikeluarkan Data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), mendapati masing-masing sebanyak 10 peratus pekerja formal menerima upah bulanan sekurang-kurangnya RM11,122 pada Disember 2025.

Sementara dengan jumlah peratusan sama, pekerja formal terendah menerima upah bulanan RM1,700 atau kurang setiap bulan, menunjukkan jurang pendapatan ketara antara kumpulan berpendapatan tinggi dan rendah.

Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, memaklumkan pekerja dalam persentis ke-90 menerima lebih enam kali ganda berbanding kumpulan upah terendah, sekali gus menggambarkan ketidakseimbangan agihan pendapatan dalam sektor formal.

Katanya sejumlah 8.4 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara menerima upah di bawah RM1,700 pada Disember 2025.

Peraturan itu bagaimanapun berkurang 12.5 mata peratus berbanding Disember 2024, menandakan peningkatan pendapatan dalam kalangan kumpulan berupah rendah.

Selama lebih dua dekad, landskap gaji di Malaysia bergerak terlalu perlahan berbanding lonjakan kos sara hidup. Jika dahulu gaji permulaan RM1,200 hingga RM1,500 sekitar awal 2000-an dianggap mencukupi, kini pada 2026, julat RM2,500 hingga RM3,500 bagi siswazah baharu sekadar cukup-cukup bertahan, bukan untuk hidup selesa, jauh sekali untuk *healing* setiap hujung minggu.

Dengan data dinyatakan tadi, boleh dilihat jurang ketara antara statistik dengan realiti kehidupan sebenar. Secara angka, gaji memang meningkat. Tetapi apabila ditolak kos seperti bayar sewa rumah, makanan, pengangkutan dan komitmen lain, kuasa beli semakin mengecil. Pendek kata, gaji nampak besar di atas kertas, tetapi terasa kecil dalam dompet.

Selain itu, kadar kebolehpasaran siswazah yang sering diumumkan mungkin tinggi, namun persoalan lebih penting ialah jenis pekerjaan diperoleh dan berapa gajinya.

Bukannya sedikit siswazah bekerja di luar bidang pengajian, malah ada menerima pekerjaan separa mahir dengan gaji rendah. Ini satu pembaziran modal insan sukar dinafikan.

Pada masa sama, pekerja senior pula berdepan dilema berbeza. Ramai sudah berkhidmat lebih se-dekad, namun kenaikan gaji diterima tidak seiring pengalaman dan sumbangan. Ada bergurau sinis mengatakan, meskipun terdapat kenaikan gaji setiap tahun, ia hanya cukup untuk tampung kenaikan harga nasi lemak sahaja.

Hakikatnya, gurauan itu menyimpan kebenaran pahit. Keadaan ini mewujudkan fenomena pekerja

burnout. Mereka masih hadir bekerja setiap hari, memenuhi tanggungjawab, tetapi kehilangan motivasi. Bukan tidak mahu berusaha, tetapi kerana usaha dirasakan tidak membawa perubahan kepada kehidupan mereka.

Derah kudrat pekerja demi KPI syarikat

Lebih merasahkan apabila budaya kerja masa kini semakin menekankan petunjuk prestasi utama (KPI). Pekerja dikejar dengan sasaran syarikat. Mesyuarat demi mesyuarat diadakan, strategi dirangka dan tenaga diperah habis-habisan untuk mencapai prestasi terbaik.

Namun, apabila tiba musim penilaian, naratif sering didengar hampir seragam: "Syarikat tidak mencapai keuntungan seperti dijangka, jadi bonus tidak dapat diberikan".

Ironinya, KPI pekerja mungkin tercapai, tetapi 'KPI syarikat' menjadi alasan untuk menafikan ganjaran. Akhirnya, pekerja mula mempersoalkan untuk apa berlari laju, jika garisan penamat sentiasa dialihkkan?

Situasi ini memberi kesan langsung kepada moral tenaga kerja. Semangat dahulu berkebar-kebar bertukar menjadi rutin mekanikal, iaitu bekerja sekadar memenuhi tanggungjawab, terima gaji, bayar komitmen dan meneruskan kitaran hidup bulanan dan ulang kitaran sama.

Dalam jangka panjang, keadaan ini bukan sahaja memberi kesan kepada individu, bahkan produktiviti negara. Pekerja tiada motivasi cenderung tidak memberikan prestasi optimum, sekali gus menjejaskan daya saing organisasi dan ekonomi.

Kini, terdapat pertembungan naratif antara majikan dengan pekerja. Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) sering menekankan keperluan mengawal kos dalam suasana ekonomi mencabar, manakala Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pula menggesa pelarasan gaji selaras peningkatan kos sara hidup.

Di tengah-tengah perdebatan ini, pekerja paling terhimpit. Kos sara hidup terus meningkat dan tidak pernah berehat daripada naik.

Apabila ditambah komitmen pinjaman pendidikan, kenderaan dan keperluan keluarga, ruang untuk menyimpan hampir tidak wujud. Simpanan kecemasan pun kadang-kadang sekadar 'niat', bukan realiti di akaun bank.

Bagi yang sudah berkeluarga, tekanannya sudah tentu berganda. Mengimbangi keperluan anak, kos harian dan masa depan kewangan menjadi cabaran berterusan. Persoalan besar kini ialah, sampai bila keadaan ini boleh berterusan?

Jawapannya mungkin tidak mudah, tetapi satu perkara jelas pendekatan sedia ada tidak lagi memadai. Penstrukturan semula gaji perlu lebih berani, termasuk memperkukuh model gaji progresif yang benar-benar mengaitkan pendapatan dengan kemahiran dan produktiviti.

Majikan juga perlu melihat pekerja sebagai pelaburan, bukan sekadar kos operasi. Tanpa ganjaran setimpal, sukar untuk menuntut produktiviti tinggi atau kesetiaan jangka panjang.


Institusi pendidikan tinggi (IPT) perlu lebih realistik dalam menilai kejayaan siswazah. Kebolehpasaran tidak seharusnya diukur berdasarkan jumlah pekerjaan semata-mata, tetapi kualiti pekerjaan dan tahap pendapatan.

Jika tidak, negara berisiko melahirkan generasi pekerja mati motivasi dan tepu. Dalam jangka panjang, keadaan ini akan menjejaskan individu selain melemahkan daya saing ekonomi negara.

Realitinya mungkin pahit, tetapi perlu dihadapi. Jika tiada perubahan drastik, persoalannya bukan lagi mengenai hidup selesa atau mewah.

Sebaliknya, persoalan paling asas, cukupkah untuk terus bertahan?

Pekerja tidak meminta kemewahan luar biasa. Cukup sekadar satu perkara semakin sukar diperoleh, iaitu rasa usaha dihargai, bukan sahaja dengan kata-kata, tetapi melalui angka di slip gaji.





PELAKSANAAN EPCB menampun kecenderungan wanita berhenti kerja selepas bersalin. – GAMBAR HIASAN

Elaun Pasca Cuti Bersalin tidak jejakkan majikan

PETALING JAYA – Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menjelaskan pengenalan Elaun Pasca Cuti Bersalin (EPCB) tidak memberikan kesan fiskal langsung kepada operasi majikan.

Malah katanya, EPCB itu berupaya menyerap sebahagian beban kos sara hidup pekerja ketika cuti tambahan melalui pendekatan perkongsian liabiliti yang akan menjadikan Malaysia seiring piawai global seperti digariskan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Jelas Perkeso, pendekatan sedemikian juga telah dilaksanakan di pelbagai negara maju seperti Sepanyol, Portugal, Perancis dan China yang memanfaatkan dana keselamatan sosial bagi memastikan kelangsungan industri tanpa mengorbankan kebajikan wanita pasca bersalin.

“Pelaksanaan ini bukan sahaja kritikal dalam memelihara kesihatan wanita hamil, malah menjadi benteng yang menampung kecenderungan wanita meninggalkan kerjaya selepas bersalin ekoran dibebani peningkatan kos sara hidup keluarga.

“Sebagai penggerak utama,

Perkeso bertekad menjadikan EPCB sebagai tunjang kepada pemangkin pasaran buruh Malaysia yang lebih inklusif, adil dan progresif,” katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, faedah terbaharu itu akan dilaksanakan melalui pindaan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

Dalam kenyataan sama, Perkeso berkata, kira-kira 1.6 juta individu, termasuk hampir 480,000 pekerja yang berulang-alik setiap hari menerusi Tambak Johor akan menerima manfaat daripada pelaksanaan Skim Pengembara Perkeso.

Katanya, skim itu akan dilaksanakan menerusi Akta Perlindungan Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789).

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan kerajaan bersetuju memperkenalkan EPCB pada kadar 80 peratus daripada gaji anggapan bulanan Orang Berinsurans (OB) wanita, yang akan dibayar secara *one-off*.

Beliau berkata, inisiatif itu, yang akan membabitkan pindaan kepada Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dijangka memberi manfaat kepada lebih 132,000 pekerja wanita.